

# UMT Teruskan Usaha Perangi Aedes Bersama Komuniti

Oleh: Tengku Nuriah binti Tengku Abdul Rahman & Nur Azima binti Mat Zin

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengambil langkah pencegahan termasuk mengadakan pelbagai program kesedaran dan aktiviti gotong-royong bagi membasmi pembiakan nyamuk aedes dan peningkatan kes demam denggi di negara ini. Mengikut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia, sejumlah 39 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan setakat ini pada tahun 2023 berbanding 15 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Oleh yang demikian, Program Gotong-Royong UMT Perangi Aedes Bersama Komuniti Kampung Kubang Badak telah diadakan pada 18 Ogos 2023 dan merupakan antara program yang telah dijayakan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus dan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus. Seramai 150 orang peserta yang terlibat termasuklah pelajar Kolej Kediaman, pelajar Diploma dan Asasi STEM UMT bersama-sama komuniti Kampung Kubang Badak, Kuala Nerus.

Menurut Pengarah PKU, Dr. Arnie A. Rahim, aktiviti gotong-royong diadakan di sekitar Kolej Kediaman dan Kampung Kubang Badak, di mana kumpulan pelajar bergerak secara berkumpulan dan memulakan aktiviti Xplorace Cari dan Musnah Tempat Pembiakan Aedes. Sampah-sarap turut dikumpul dan ditimbang bagi menentukan jumlah merit yang diperolehi dari setiap kumpulan yang terlibat. Kumpulan yang berjaya mengumpulkan jumlah sampah yang paling banyak mendapat tempat pertama bagi kategori yang telah dipertandingkan.

"Kita sering dengar keluhan dalam masyarakat yang kurang kesedaran untuk memberi kerjasama ketika aktiviti semburan kabus oleh pihak atas pelbagai alasan. Namun, pembiakan nyamuk aedes adalah berpunca daripada kurangnya pengetahuan masyarakat mengenai cara menangani nyamuk aedes", ujar Dr. Arnie ketika menyampaikan ucapan perasmian program tersebut.





Tambah beliau, program sebegini perlu diadakan dari semasa ke semasa dengan penglibatan semua pihak sebagai usaha memerangi wabak denggi yang membahayakan dan mampu meragut nyawa. ia juga membantu dalam mencegah kejadian wabak penyakit seperti wabak denggi di kawasan kampus UMT mahupun kawasan sekitar luar kampus khususnya di daerah Kuala Nerus.

Dr. Arnie turut menambah bahawa kempen amalan kebersihan bukan hanya tertumpu kepada kebersihan diri, malah kebersihan alam sekitar yang mampu membendung wabak denggi daripada terus merebak. Selain itu, ianya dapat memupuk rasa tanggungjawab kepada pelajar dan komuniti untuk menjaga kebersihan kawasan kediaman masing-masing.

